

SUSULAN JUAL, SEWA AP GULA DALAM TALIAN

Keputusan politik lulus AP

→ Empat syarikat dapat permit punca lambakan gula ditapis

Oleh Che Wan Badrul Alias dan Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Permit import (AP) dianugerahkan kepada pihak tertentu untuk mengimport gula ditapis sehingga menyebabkan lambakan bahan itu dalam pasaran domestik serta menjelaskan pengilang tempatan, dipercayai semata-mata kerana keputusan politik.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail ketika mendekah perkara itu, berkata AP yang diluluskan tahun lalu membabitkan hampir 57,000 tan gula dari luar negara sepanjang tempoh sah laku AP.

Katanya, AP untuk membawa masuk gula ditapis dari luar negara turut diberikan kepada empat syarikat, masing-masing dengan kuota antara 3,900 tan hingga 30,000 tan bagi tempoh sah laku AP dari Januari hingga Jun atau Disember lalu yang disifatkannya sebagai tidak perlu.

"Kapasiti pengeluaran gula oleh pengilang tempatan sudah tiga juta tan setahun, manakala keperluan pengguna hanya separuh daripada itu. Jadi, ada banyak lebih bekalan di pasaran tempatan."

"Saya sudah semak dengan pegawai (kementerian) dan terdapat empat syarikat diberikan AP gula sejak 2017. Ada satu syarikat diberi kuota 13,000 tan, syarikat lain 3,900 tan, diikuti 10,000 tan dan syarikat seterusnya 30,000 tan."

Ibarat wang segera

"Soalan cepu emas saya, kenapa AP gula dikeluarkan pada 2017 walaupun ada lebihan bekalan. Saya boleh sebut ada antaranya dipercayai kerana pertimbangan politik kerajaan yang lalu sebab ia (AP) ibarat wang segera," katanya kepada BH.

Semalam, BH mendedahkan tawaran untuk menjual atau sewa permit import (AP) diluluskan kerajaan untuk membawa masuk gula bertapis dari negara jiran, dikesan dilakukan secara terbuka termasuk dihebahkan dalam talian.

AP berkenaan yang dipercayai diberikan kerajaan sebelum ini kepada pihak tertentu termasuk syarikat tempatan dimanipulasi untuk meraih untung atas angin mencecah jutaan ringgit, sama ada dijual atau disewakan.

Sabtu lalu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kerajaan akan membatalkan serta-merta kontrak dan AP yang dikesan

dijual kepada pihak ketiga demi meraih keuntungan atas angin.

Sementara itu, Saifuddin ketika ditanya mengenai empat syarikat yang mendapat AP gula pada tahun lalu, berkata ia termasuk sebuah perbadanan yang diberi kelulusan membawa masuk 30,000 tan gula dengan kuota berkenaan akan tamat Disember ini.

"AP kepada perbadarian itu wajar kerana ia pengendali Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi menjamin bekalan gula di bekalan mencukupi dan tidak terganggu.

"Bagi syarikat lain, AP mereka berkuat kuasa Januari 2017 dan sudah tamat Jun lalu tidak disambung," katanya tanpa mendedahkan maklumat lanjut mengenai tiga lagi syarikat yang mendapat AP gula itu.

Ditanya kenapa AP untuk ketiga-tiga syarikat itu tidak disambung, beliau tidak menolak kemungkinan berlaku perlenggaran sekatan tertentu seperti ditetapkan kepada pemilik AP

gula bertapis oleh kementerian.

Ambil untung atas angin

"Antaranya tidak boleh menjual gula bertapis diimport kepada peruncit kerana ia hanya untuk industri. Kita tidak mahu isu 'bolos' apabila gula itu dipelepas semula dan dijual kepada peruncit sehingga menjelaskan peserta industri sedia ada.

"Kita percaya mereka (pemilik AP) tak buat (tidak import sendiri gula), tetapi suruh orang lain dan hanya ambil untung atas angin. Pihak yang buat (import gula) akan jual kepada pemborong yang kemudian dipelepas semula untuk dijual kepada peruncit.

"Kita jual gula pek pada harga RM2.95 sedangkan corak harga gula dunia turun, maka mereka dengan mudah meraih untung tinggi. Jika ambil komisyen 25 sen sekilogram pun sudah dikira terlalu tinggi," katanya.



Keratan akbar
BH semalam.